



SEHINGGA kini, terdapat enam premis Coop Farmasi yang sudah diwujudkan di mana empat premis berkenaan sudah dimiliki oleh Angkasa.

FOKUS PRODUK PENJAGAAN DIRI

Angkasa sasar 200 premis Coop Farmasi dibuka menjelang 2025

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperluas jaringan perniagaan penjagaan diri dan kesihatan di bawah jenama Coop Farmasi dengan memeterai perjanjian bersama Koperasi Pelaburan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Koputra).

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, dalam melengkapi keperluan masyarakat setempat, pihaknya mempunyai model Coop Wellbness yang memfokuskan produk penjagaan diri dan kesihatan.

Menurut Dr Abdul Fattah, Angkasa menyasarkan sebanyak 200 premis Coop Farmasi akan dibuka menjelang 2025.

"Angkasa mengambil langkah untuk menceburkan diri dalam sektor ini kerana melihat kesesuaiannya dengan ekosistem koperasi di Malaysia melalui pemerkerasaan perniagaan farmasi di bawah rangkaian Coop Farmasi.

"Sehingga kini, terdapat



Angkasa mengambil langkah untuk menceburkan diri dalam sektor ini kerana melihat kesesuaiannya dengan ekosistem koperasi di Malaysia"

Dr Abdul Fattah

enam premis Coop Farmasi yang sudah diwujudkan di mana empat premis dimiliki oleh Angkasa dan dua lagi dimiliki oleh Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad (Koguru) dan satu lagi milik Koputra di Setia Alam, Selangor.

"Selain itu, dua lagi premis Coop Farmasi milik koperasi akan diwujudkan menjelang Disember 2022 iaitu milik Koperasi Felde Sungai Koyan 3 Raub Berhad dan Koperasi Majlis Perbandaran Dungun Berhad," katanya.

Di samping itu, Dr Abdul Fattah berkata, model perniagaan Coop Farmasi ini bukan hanya memfokuskan

kepada kedai fizikal sahaja, tetapi kini di peringkat percubaan untuk mengadaptasi kemudahan digitalisasi kesihatan melalui sistem *doczus* kepada 30 orang kakitangan Angkasa.

"Sistem ini membolehkan pesakit untuk berjumpa doktor atau pakar kesihatan melalui aplikasi *doczus* di mana preskripsi ubat akan dihantar ke premis Coop Farmasi berdekatan secara dalam talian dan pesakit boleh memilih untuk mengambil ubat di Coop Farmasi atau dihantar ke rumah masing-masing.

"Penggunaan aplikasi ini dijangka boleh menjimatkan sehingga 40 peratus dari-

pada kos mendapatkan rawatan di klinik biasa oleh kerana tiada kos konsultasi doktor," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengerusi Koputra, Zaharuddin Alias berkata, pihaknya amat bangga dengan pembukaan Coop Farmasi pertama milik Koputra ini dan akan membuka lebih banyak cawangan pada tahun hadapan, jika model perniagaan ini memberikan impak.

"Kami juga sudi memberi tunjuk ajar kepada koperasi baharu yang berminat untuk mengikut jejak langkah sama.

"Sektor kesihatan dan penjagaan diri menerima permintaan tinggi ketika ini dan koperasi perlu merebut peluang yang ada, lebih-lebih lagi dengan sokongan padu daripada Angkasa," katanya.

Menurutnya, Koputra yang sudah berada dalam senarai 100 koperasi terbaik negara sejak 12 tahun lalu mempunyai visi untuk menduduki tempat 10 terbaik dalam masa beberapa tahun lagi dengan mempelbagaikan perniagaan di samping menceburkan diri dalam perniagaan berimpak tinggi.

PKS masih bergelut lepas fasa endemik

Kuala Lumpur: Sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih bergelut untuk pulih dalam transisi endemik selepas menghadapi pelbagai cabaran selepas tidak beroperasi kira-kira dua tahun akibat Covid-19.

Antara cabaran adalah ketidakpastian persekitaran semasa global yang mendorong kenaikan harga barangan, tarif elektrik serta inflasi, sekali gus menyukarkan sektor ini untuk kekal berdaya saing.

Permasalahan usahawan itu mendapat perhatian Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang cakna dengan cabaran dihadapi PKS, khususnya yang mengalami masalah aliran tunai susulan peningkatan Kadar Dasar Semalaman (OPR) serta bebanan hutang yang tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat MPN, Tan Sri Sulaiman Mahbob berkata, sektor PKS ternyata paling terak terjejas berbanding syarikat multinasional yang mempunyai pilihan beralih ke negara lain selain kos pekerja yang lebih rendah.

MPN mengetengahkan beberapa cadangan kepada kerajaan dalam usaha membantu usahawan PKS kembali bangkit termasuk memudahkan pinjaman serta memperkenalkan moratorium khas kepada



SULAIMAN

PKS selaku tunjang ekonomi negara dengan menyumbang 37.4 peratus kepada Kewangan Dalam Negara Kasar pada 2021.

Beberapa PKS yang ditemui turut menyambut baik inisiatif seperti pemberian moratorium dan kemudahan pinjaman yang dapat meringankan beban kewangan mereka.

Pemilik Taska Oren Enterprise, Norafizah Md Hassan yang mengusahakan pusat penjagaan kanak-kanak di tujuh cawangan sekitar Lembah Klang, mengakui syarikatnya masih dihipit masalah aliran tunai dan dalam fasa pemulihan.

"Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimulakan pada Mac 2020, pendapatan merosot 50 peratus apabila ada ibu bapa memilih tidak menghantar anak kerana bekerja dari rumah," katanya.

BNM dijangka naik OPR Januari 2023

Kuala Lumpur: MIDE Research menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) akan bersedia lebih awal mengenai dasar moneterinya dengan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) ke tahap prapandemik pada 3.00 peratus menjelang Januari 2023.

ia berkata, pengumuman Khamis lalu oleh BNM untuk menaikkan lagi OPR sebanyak 25 mata asas (bps) daripada 2.50 peratus kepada 2.75 peratus dalam Mesyuarat Dasar Monetari terakhiranya pada 2022 adalah selaras dengan jangkaan pasaran, tetapi masih kekal di bawah paras prapandemik.

Firma penyelidikan itu dalam nota kajiannya berkata menjelang 2023, penetapan dasar monetari

BNM adalah untuk memastikan pemulihan ekonomi Malaysia yang mampan.

"Dengan trend inflasi teras yang semakin meningkat dan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan, kami menjangkakan bank pusat akan bersedia lebih awal mengenai dasar moneterinya untuk kembali ke paras prapandemik menjelang Januari 2023.

"Bagaimanapun, ia tertakluk kepada kestabilan dalam pertumbuhan ekonomi, kadar kenaikan harga dan penambahbaikan keadaan makroekonomi, terutamanya pemulihan berterusan dalam pasaran buruh dan peningkatan terhadap permintaan domestik," katanya.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA